Subramaniam a/l Paramasivam & Lain-lain lwn Malaysian Airline System Bhd

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — SAMAN PEMULA NO D5-24-355-1995
KAMALANATHAN RATNAM PK
27 DISEMBER 1995

Kontrak *— Pentafsiran terma kontrak — Pesawat — Caj bagasi tambahan — Penumpang membayar caj di permulaan perjalanan — Syarikat penerbangan menimbang bagasi semula di destinasi — Didapati bagasi lebih berat jika dibandingkan dengan bagasi di permulaan perjalanan — Bayaran dikenakan — Sama ada syarikat berhak berbuat demikian*

Ketiga-tiga orang plaintif ('plaintif') dalam kes ini telah membeli tiket penerbangan daripada defendan, untuk perjalanan dari Madras ke Kuala Lumpur. Pada 1 Jun 1995, plaintif telah pergi ke Lapangan Terbang Madras untuk menaiki pesawat. Semasa pemeriksaan tiket dan bagasi, plaintif telah diberitahu oleh defendan bahawa bayaran caj lebihan bagasi sejumlah Rs4080 (RM325) akan dikenakan ke atas plaintif, kerana bagasinya yang seberat 80kg tersebut adalah melebihi berat bagasi yang dibenarkan, iaitu 60kg. Plaintif membayar jumlah tersebut dan resit telah diberikan oleh defendan. Pesawat yang dinaiki oleh plaintif dari Madras akhirnya tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang ('LTAS') (kini dikenali sebagai 'Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah'). Walau bagaimanapun, defendan meminta supaya bagasi mereka ditimbang semula. Defendan mendapati bahawa bagasi plaintif adalah seberat 120kg. Lantaran itu, plaintif telah disuruh membayar wang tambahan sebanyak RM618 untuk bagasi tambahan. Plaintif terpaksa membuat bayaran tambahan tersebut, kerana mereka dilarang mengambil balik bagasi, jika gagal membayar. Dalam saman pemula ini, plaintif telah memohon untuk suatu perisytiharan bahawa defendan tidak berhak mengenakan bayaran bagasi tambahan sebanyak RM618 ke atas plaintif di LTAS, dan bahawa tindakan defendan tersebut adalah batal dan tak sah. Plaintif seterusnya memohon untuk suatu perintah untuk pengembalian wang tersebut, dan untuk ganti rugi yang dialami oleh plaintiff ditaksirkan oleh penolong kanan pendaftar. Walau bagaimanapun, defendan berhujah bahawa ia mempunyai bidang kuasa untuk menimbang semula bagasi plaintif menurut fasal 8(b) dan 9(b) yang terkandung dalam 'General Conditions of Carriage of MAS for Passengers & Baggage & Cargo'. Fasal 8(b) memperuntukkan bahawa '... excess value charges shall be payable at the point of origin for the entire journey to final destination; provided that if at a stopover en route a passenger declares a higher excess value than that originally declared, additional excess value charges for the increased

value from such stopover to final destination shall be payable', dan fasal 9(b) pula menyatakan bahawa 'Carrier shall deliver checked baggage to the bearer of the baggage check upon payment of all unpaid sums due to Carrier under the contract of carriage ...'.

Diputuskan, membenarkan permohonan plaintif:

(1) Fasal 8(b) hendaklah dibahagikan kepada dua bahagian, di mana fasal utama hendaklah dibaca berasingan daripada proviso. Bahagian pertama, iaitu '... excess value charges shall be payable at the point of origin for the entire journey to final destination;' ialah fasal utama, dan bahagian kedua, iaitu '... provided that if at a stopover en route a passenger declares a higher excess value than that originally declared, additional excess value charges for the increased value from such stopover to final destination shall be payable' pula merupakan proviso (lihat ms 69C–E).

(2) Fasal 8(b) utama dengan jelasnya menyatakan bahawa wang bagi bagasi tambahan hendaklah dibayar di poin asal bagi keseluruhan perjalanan sehingga destinasi muktamad, iaitu di Lapangan Terbang Madras. Proviso kepada fasal 8(b) pula menyatakan bahawa sekiranya pada persinggahan semasa dalam perjalanan daripada poin asal ke destinasi muktamad, seseorang penumpang mengisytiharkan bagasi tambahan yang lebih daripada yang asalnya diisytiharkan, maka caj tambahan yang lebih haruslah dibayar. Dalam keadaan sedemikian, fasal 9(b) boleh digunakan oleh defendan untuk mengutip caj tambahan yang lebih itu. Dalam keadaan ini, perkataan 'payable' telah digunakan dengan maksud 'to pay at a future time', iaitu sebelum kesemua bagasi dituntut oleh penumpang, iaitu di destinasi muktamad (lihat ms 69H–I dan 70A).

(3) Dalam kes ini, fakta kes menunjukkan bahawa tiada persinggahan dibuat oleh plaintif dan tiada peristiharan oleh plaintif berkenaan dengan bagasi tambahan semasa perjalanan daripada Lapangan Terbang Madras (poin asal) ke LTAB (destinasi muktamad). Oleh ini, proviso dalam fasal 8(b) dan fasal 9(b) tidak terpakai. Yang terpakai hanyalah fasal 8(b) utama yang menyatakan bahawa bayaran caj bagasi tambahan hendaklah dibuat di poin asal. Oleh itu, defendan tidak berhak untuk meminta plaintif menimbang semula bagasinya di destinasi muktamad dan menuntut pembayaran caj bagasi tambahan (lihat ms 70B–C).

[English summary

All three plaintiffs ('the plaintiffs') in this case had purchased airline tickets from the defendant for a flight from Madras to Kuala Lumpur. On 1 June 1995, the plaintiffs went to Madras Airport to board their flight. During the inspection of tickets and luggage, the plaintiffs

were informed by the defendant that an excess value charge of Rs4080 (RM325) would be imposed on them, because their luggage which was 80kg exceeded the weight allowed, which was 60kg. The plaintiffs paid the sum and a receipt was issued by the defendant. The flight boarded by the plaintiffs from Madras eventually arrived at Subang International Airport ('SIA') (now known as 'the Sultan Abdul Aziz Shah Airport'). However, the defendant requested that their luggage be weighed again. The defendant found that their luggage weighed 120kg. Following this, the plaintiffs were required to pay an extra sum of RM618 for the additional baggage. The plaintiffs were compelled to do so, as they would not be allowed to reclaim their luggage if they failed to pay up. In this originating summons, the plaintiffs applied for a declaration that the defendant was not entitled to impose the excess value charge of RM618 on them at SIA, and that the defendant's action was null and void. The plaintiffs then applied for an order that the money be refunded, and that damages they had suffered be assessed by the senior assistant registrar. However, the defendant contended that it had jurisdiction to re-weigh the plaintiffs' luggage according to cll 8(b) and 9(b) contained in the 'General Conditions of Carriage of MAS for Passengers & Baggage & Cargo'. Clause 8(b) provides that '... excess value charges shall be payable at the point of origin for the entire journey to final destination; provided that if at a stopover en route a passenger declares a higher excess value than that originally declared, additional excess value charges for the increased value from such stopover to final destination shall be payable', and cl 9(b) in turn states that 'Carrier shall deliver checked baggage to the bearer of the baggage check upon payment of all unpaid sums due to Carrier under the contract of carriage ...'.

Held, allowing the plaintiffs' application:

(1) Clause 8(b) was to be divided into two parts, where the primary clause was to be read separately from the proviso. The first part, ie '... excess value charges shall be payable at the point of origin for the entire journey to final destination;' was the primary clause, and the second part, ie '... provided that if at a stopover en route a passenger declares a higher excess value than that originally declared, additional excess value charges for the increased value from such stopover to final destination shall be payable' was the proviso (see p 69C–E).

(2) The primary clause in cl 8(b) clearly states that excess value charges shall be payable at the point of origin for the entire journey to the final destination, ie Madras Airport. The proviso to cl 8(b) in turn states that provided that if at a stopover en route from the point of origin to the final destination a passenger declares a higher excess value than that originally declared, then additional excess value charges shall be payable. In such

circumstances, cl 9(b) may be used by the defendant to collect the additional excess value charge. In this situation, the word 'payable' was used to mean 'to pay at a future time', ie before all luggage was claimed by the passenger, ie at the final destination (see p 69H–I and 70A).

(3) In this case, the facts of the case showed that there was no stopover made by the plaintiffs and there was no declaration by the plaintiffs regarding the excess luggage during the journey from Madras Airport (the point of origin) to SIA (the final destination). Hence, the proviso in cll 8(b) and 9(b) was not applicable. The only clause applicable was the primary clause in cl 8(b) which states that excess value charges shall be payable at the point of origin. Therefore, the defendant was not entitled to request that the plaintiffs re-weighed their luggage at the final destination and claim excess value charges (see p 70B–C).]

P Subramaniam (*Santhi* dengannya) (*Subra & Partners*) bagi pihak plaintif.

Tony Tan (*Aziz Zakaria Shaiful & Wan*) bagi pihak defendan.

Kamalanathan Ratnam PK: Dalam saman pemula ini, ketiga-tiga plaintif (selepas daripada ini dirujuk sebagai 'plaintif') memohon untuk suatu perisytiharan bahawa defendan tidak berhak mengenakan bayaran bagasi tambahan sebanyak RM618 ke atas plaintif di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang, Kuala Lumpur ('LTAS') pada 2 Jun 1995, dan bahawa tindakan defendan tersebut adalah batal dan tak sah, dan seterusnya plaintif memohon suatu perintah untuk pengembalian wang sebanyak RM618 yang telah dibayar oleh plaintif kepada defendan, dan untuk ganti rugi yang dialami oleh plaintif ditaksirkan oleh penolong kanan pendaftar.

Tiada pertikaian berkenaan dengan fakta dalam kes ini. Fakta ringkas kes ini adalah, plaintif telah membeli tiket penerbangan untuk perjalanan daripada Kuala Lumpur ke Madras dan daripada Madras balik ke Kuala Lumpur. Pada 11 Mei 1995, plaintif telah ke Madras melalui pesawat MH 180 dan pada 1 Jun 1995, telah menaiki pesawat MH 181 daripada Madras ke Kuala Lumpur.

Pada 1 Jun 1995, plaintif telah pergi ke Lapangan Terbang Madras pada jam 9 malam bagi maksud pemeriksaan tiket dan bagasi. Pada masa itu, plaintif diberitahu bahawa bagasi yang mereka dibenarkan membawa adalah 60kg manakala berat bagasi plaintif pada masa itu adalah 80kg. Pada masa itu, plaintif telahpun diminta membayar caj lebihan bagasi untuk kelebihan 20kg dengan caj sebanyak Rs4080 (RM325) dan diberikan suatu resit. Pesawat MH 181 telah berlepas pada pukul 11 malam, waktu India, dan mendarat di LTAS pada 5.40 pagi, waktu Malaysia.

Apabila plaintif sampai di kawasan bagasi di LTAS dan telah mengambil bagasinya, plaintif diminta oleh pekerja defendan menimbang

semula bagasinya. Selepas ditimbang, adalah didapati bahawa berat bagasi plaintif adalah 120kg. Plaintif diminta membayar wang tambahan sebanyak RM618 untuk bagasi tambahan walaupun plaintif membantah dan menyatakan bahawa bagasinya telah ditimbang dan dibayar semasa pemeriksaan tiket di Lapangan Terbang di Madras. Walau bagaimanapun, plaintif dipaksa membuat bayaran tambahan tersebut kerana sekiranya tidak, pekerja defendan tidak membenarkan plaintif membawa keluar bagasinya daripada LTAS.

Defendan tidak menafikan fakta yang tersebut di atas, tetapi menyatakan bahawa ia berhak untuk menimbang semula bagasi plaintif dan tindakan itu 'adalah dalam bidang kuasa defendan'. Afidavit jawapan defendan yang diikrarkan oleh setiausaha dan peguam korporat defendan menyatakan dalam perenggan 7(e) bahawa:

> Pada kesemua masa material itu, defendan telah mengikut prosedur-prosedur dan proviso-proviso yang terdapat dalam 'General Conditions of Carriage of MAS'

Seterusnya dalam perenggan 8 afidavitnya, defendan merujuk kepada perenggan-perenggan tertentu dalam 'General Conditions of Carriage of Malaysian Airline System Berhad for Passengers & Baggage & Cargo':

Excess Baggage	7	The passenger shall pay a charge for the carriage of baggage in excess of the free baggage allowance at the rate and in the manner provided in Carrier's Regulations.
Excess Value Declaration	8	(a) – tiada berkaitan –
		(b) Except as otherwise provided in Carrier's Regulations, excess value charges shall be payable at the point of origin for the entire journey to final destination; provided that if at a stopover en route a passenger declares a higher excess value than that originally declared, additional excess value charges for the increased value from such stopover to final destination shall be payable.
		(c) – tiada berkaitan –
Collection and Delivery of Baggage	9	(a) The passenger shall collect his baggage as soon as it is available for collection at places of destination or stopover.
		(b) Carrier shall deliver checked baggage to the bearer of the baggage check upon payment of all unpaid sums due to Carrier under the contract of carriage. Carrier is under no obligation to ascertain that the bearer of the baggage check is entitled to delivery of the baggage and Carrier is not liable for any loss, damage, or expense arising out of or in connection with its failure so to ascertain. Delivery of baggage will be made at the destination shown in the baggage check.

Defendan bergantung kepada syarat-syarat di atas bagi menjustifikasikan tindakannya iaitu, menimbang semula bagasi plaintif di LTAS dan meminta plaintif membuat bayaran tambahan. Mengikut defendan, kedua-dua fasal 8(b) dan 9(b) 'mestilah dibaca serentak'. Tiada nas undang-undang yang

dikemukakan bagi menyokong hujah defendan. Mahkamah ini juga telah meneliti beberapa kes dan buku untuk mencari nas undang-undang berkenaan dengan hak defendan untuk menimbang semula bagasi defendan selepas perjalanan dan setelah kapalterbang mendarat di destinasi yang ditujui seseorang penumpang, tetapi tidak menjumpai sebarang nas undang-undang. Yang ada hanyalah berkenaan dengan liabiliti sesuatu pesawat apabila terjadinya kematian atau kecederaan kepada penumpang, kehilangan atau kerosakan bagasi dan lain-lain perkara yang tidak dapat digunakan sebagai petunjuk atau pedoman dalam kes ini. Oleh itu, mahkamah ini merujuk balik kepada syarat-syarat pengangkutan yang dikenakan oleh defendan ke atas plaintif, iaitu fasal 8(b) dan 9(b) di atas. Pandangan mahkamah ini adalah bahawa fasal 8(b) hendaklah dibahagikan kepada dua bahagian di mana fasal utama hendaklah dibaca berasingan daripada proviso sepertimana yang diturunkan di bawah ini:

Bahagian 1: '... excess value charges shall be payable at the point of origin for the entire journey to final destination;' — Fasal 8(b) utama

Bahagian 2: '... provided that if at a stopover en route a passenger declares a higher excess value than that originally declared, additional excess value charges for the increased value from such stopover to final destination shall be payable.' — Fasal 8(b) proviso

Mengikut *The New Shorter Oxford English Dictionary* Jilid 2 ms 2130, perkataan 'payable' bermakna 'of a sum of money (usually *at* or *on* a specified date or *to* a specified person)'. *Jowitt's Dictionary of English Law,* Jilid 2 (Edisi 2), mentakrifkan 'payable' begini:

> A sum of money is said to be payable when a person is under an obligation to pay it. 'Payable' may therefore signify an obligation to pay at a future time; but when used without qualification 'payable' means that the debt is payable at once, as opposed to 'owing'.

Berdasarkan takrifan di atas, mahkamah ini berpendapat bahawa fasal 8(b) utama dengan jelasnya menyatakan bahawa wang bagi bagasi tambahan hendaklah dibayar dan bila ditanya 'di mana?' atau 'bila?', jawapannya adalah 'di *poin asal* bagi keseluruhan perjalanan sehingga destinasi muktamad, iaitu bayaran dibuat di Lapangan Terbang Madras'. (Tekanan ditambah.)

Proviso kepada fasal 8(b) pula menyatakan bahawa sekiranya pada persinggahan semasa dalam perjalanan daripada poin asal ke destinasi muktamad, seseorang penumpang mengisytiharkan bagasi tambahan yang lebih daripada yang asalnya diisytiharkan, maka caj tambahan yang lebih haruslah dibayar. Dalam keadaan sedemikian, fasal 9(b) boleh digunakan oleh defendan untuk mengutip caj tambahan yang lebih itu. Ini adalah kerana tiada disebutkan dalam proviso tersebut bahawa 'additional excess value charges for the increased value from such stopover to final destination shall be payable *at the point of stopover or at final destination*'. (Perkataan-perkataan dan tekanan ditambah.) Dalam keadaan ini, perkataan 'payable'

telah digunakan dengan maksud 'to pay at a future time', iaitu sebelum kesemua bagasi dituntut oleh penumpang, iaitu di destinasi muktamad.

Akan tetapi, dalam kes ini, fakta kes menunjukkan bahawa tiada persinggahan dibuat oleh plaintif dan tiada perisytiharan oleh plaintif berkenaan dengan bagasi tambahan semasa perjalanan daripada Lapangan Terbang Madras (poin asal) ke LTAB (destinasi muktamad). Oleh ini, proviso dalam fasal 8(b) dan fasal 9(b) tidak terpakai. Yang terpakai hanyalah fasal 8(b) utama yang menyatakan bahawa bayaran caj bagasi tambahan hendaklah dibuat di poin asal. Oleh itu, mahkamah ini telah memutuskan bahawa defendan tidak berhak untuk meminta plaintif menimbang semula bagasinya di destinasi muktamad dan menuntut pembayaran caj bagasi tambahan. Defendan hanya berhak membuat demikian di poin asal, iaitu di Lapangan Terbang Madras. Maka, dengan ini, saya telah membenarkan permohonan plaintif dan mengarahkan bahawa suatu tarikh awal ditetapkan oleh penolong kanan pendaftar bagi menaksirkan ganti rugi yang dialami oleh plaintif.

Permohonan plaintif dibenarkan.

Dilaporkan oleh Isabel Liong